

MPSM Terajui Pasukan Task Force Mata Pelajaran Menjana Kecemerlangan Prestasi SPM dan PT3



MPSM telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui pasukan Task Force mata pelajaran dalam melonjakkan prestasi SPM dan PT3 tahun 2019.

Perkara ini telah diputuskan oleh Jabatan Pendidikan W. P. Labuan mulai April tahun ini. Semua pengetua sekolah menengah telah dilantik menjadi pengurus kepada pasukan mata pelajaran ini berdasarkan kekuatan dan kemahiran yang dimiliki oleh setiap sekolah yang berkenaan.

Pengerusi-pengerusi pasukan task force mata pelajaran SPM telah giat merancang, menyusun dan melaksanakan pelbagai strategi dalam usaha meningkatkan kompetensi guru-guru.

Pelbagai kaedah digunakan termasuklah peningkatan profesional guru melalui PLC, pembinaan modul latihan

dan bengkel pemeriksaan dan penyemakan kertas.

Sehingga awal Julai 2019, setiap pasukan task force mata pelajaran telah mengadakan sekurang-kurangnya 3 kali perjumpaan berkonsepkan professional learning community (PLC) .

Pasukan Task Force SPM dan PT3 diketuai oleh YDP MPSM Labuan yang juga merupakan Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail bin Abdullah bagi mata pelajaran MPEI (Prinsip Perakaunan, Ekonomi dan Perniagaan). Sementara itu,

Puan Dona Undoh yang juga Pengetua SM St.Anthony mengetuai mata pelajaran Sejarah. Manakala Puan Hajah Jijah Bt Mohamad Suhai Pengetua SMK TP Bedaun menggerakkan pasukan task force mata pelajaran Matematik SPM.



Task Force Mata Pelajaran Matematik

Selain itu, Encik Mohd Jamatin bin Abd Latif, Pengetua SMK Lajau telah mengetuai mata pelajaran Sains. Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris pula diterajui oleh Encik Mohd Nizam bin Yasim yang juga Pengetua SMK Mutiara.

Puan Norazita binti Mohd Noor, Pengetua SMK Pantai IBWS pula bertanggungjawab bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Tuan Hj Mahamad Shukri Bin Said, Pengetua SMS SBT pula bagi mata pelajaran sains tulen.

Di peringkat PT3, dua mata pelajaran telah diberi keutamaan iaitu Matematik dan Sains. Pasukan Task Force Matematik PT3 dipengerusikan oleh En Yahya Ahmad Puteh, Pengetua SMK Rancha-Rancha dan Puan Mary Anita Abah, Pengetua SM St.Anne pula menerajui mata pelajaran Sains PT3.

Pelbagai pihak telah tampil menghulur bantuan dan sokongan dalam menjayakan aktiviti pasukan Task Force SPM setakat ini. Hal ini menunjukkan semangat kebersamaan pelbagai pihak dalam meletakkan nama Labuan di tempat sewajarnya dalam bidang pendidikan dan menjayakan slogan LABUAN SUPERB, Guru Sayang Muridnya.

Berita Oleh : Cikgu Mohd Nizam Yassim



Task Force Mata Pelajaran Sejarah